

Ⓟ Di Mahathir Projo

UTUSAN MALAYSIA KHAMIS 1 OGOS, 1996

**Kepada Pemimpin Perdana
Dr. Mahathir Mohamad**
(Sempena 15 TAHUN Pentadbirannya)

Sebuah negara muda di bumi purba ini
Pewaris peradaban agung segala benua
Darah turunan beribu bangsa manusia.
Negara berbilang bangsa ini
Menyambut seorang pemimpin yang merintis jalan
Menuju ke abad baru,
Sebagai warganegara merdeka, bukan anak-anak terjajah
Lelaki dan wanita bebas dari perhambaan sesiapa.
Kami membina sebuah negara baru
Menjadi contoh kebanggaan dunia.

Di ambang abad ke-21 ini
Telah lahir seorang pemimpin rakyat
Dia telah diuji dan akan terus diuji
Kerana seorang pemimpin tidak akan pernah berkarat
Di mata rakyat.

Dalam sejarahnya datuk nenek kita telah memilih
Yang terbaik dan si herani untuk memimpin,
Menyingkirkan apabila mereka menjadi pengkhianat
angkuh dan lupa berbakti kepada rakyat.

Lima belas tahun yang lalu rakyat telah memilih seorang
pemimpin
Kerana kebolehanannya, bukan kerana keturunannya
Rakyat memilih kebijaksanaannya, bukan status martabatnya,
Rakyat memilih kewibawaannya menempa kejayaan
Bukan dari kedudukan istimewa.

ajk

Permulaan kami yang sebenarnya adalah di dekad ini
Sebuah negara muda dalam kancuh pergolakan dunia,
Ada negara besar dengan angkuk membunuh dan merompak
Kami juga berkudrat melaungkan tentangan
Dengarkan suara kami di Afrika, di Palestin, di Bosnia
Dari jantung pemimpin perdana bernama Mahathir

Pemimpin Perdana Mahathir
Dari Malay Dilima yang dipenjarakan
Kau si pemberani bangkit dengan dada terbuka
Memimpin rakyat maju ke hadapan dengan beberapa kejutan:

Bersih Cekap Amanah
Kepimpinan Melalui Teladan
Pandang ke Timur
Penerapan Nilai-Nilai Islam
Negara industri
Persyarikatan Malaysia dan Pensewastaan
70 juta penduduk
Estet padi
Masyarakat Penyayang
Semuanya kau senyapkan dengan gagasan keramat:
WAWASAN 2020

Telah kau anyam mutiara kebijaksanaan menjadi teknologi
Demi membina sebuah negara perkasa dan kaya
Dengan daya fikir, akal budi dan semangat berani
Menebus maruah bangsa mengembalikan keyakinan diri.

Para pemimpin yang jujur
Mesillah diawasi oleh rakyat yang juga jujur
Maka rasa kugum akan terhuhul
Bangsa yang bermaruah di cakerawala timur.
Pemimpin Perdana Mahathir
RAKYAT MENCINTAIMU!
Agunglah Bangsa Ini.

- USMAN AWANG
(31 Julai 1996)